



**LEMBAGA LADA MALAYSIA**  
(KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI)

**JAWATAN KOSONG**

Permohonan dipelawa daripada warganegara Malaysia yang berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan untuk mengisi jawatan bertaraf kontrak di perkhidmatan Lembaga Lada Malaysia seperti berikut:

BIL	JAWATAN	KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	BILANGAN KEKOSONGAN / STESYEN	GAJI (RM)
1.	Pegawai Ehwal Ekonomi Gred E41	Kontrak (Contract For Service)	Ibu Pejabat (1)	RM2,550 - RM3,100
2.	Penolong Pegawai Ehwal Ekonomi Gred E27		Ibu Pejabat (1)	RM1,610 - RM2,282
3.	Pemandu Kenderaan Gred H11		Pejabat Wilayah Sarawak (1), Pejabat Wilayah Sabah (1)	RM1,020 - RM1,284
4.	Pembantu Awam Gred H11		Ibu Pejabat (10), Pejabat Wilayah Sarawak (15), Pejabat Wilayah Sabah (1)	RM1,020 - RM1,284

**CARA MEMOHON DAN CATATAN AM**

- a) Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan secara **atas talian melalui e-jawatan MPB** melalui laman web : <http://ejawatan.mpb.gov.my>.
- b) Maklumat lanjut berkaitan kelayakan serta syarat-syarat yang diperlukan dan senarai tugas bagi setiap jawatan boleh didapati di laman web kami di [www.mpb.gov.my](http://www.mpb.gov.my) atau di mana-mana pejabat Lembaga Lada Malaysia.
- c) **Tarikh Permohonan Ditutup: 29 April 2016**
- d) Pemohon yang memohon secara atas talian adalah dikehendaki membawa bersama sijil/dokumen asal beserta salinan-salinan fotostat sekiranya dipanggil menghadiri temuduga.
- e) Sekiranya pemohon tidak dipanggil untuk menghadiri temuduga dalam tempoh tiga bulan dari tarikh tutup iklan, permohonan adalah boleh dianggap sebagai tidak berjaya.

## SYARAT-SYARAT LANTIKAN DAN SENARAI TUGAS

### A. PEGAWAI EHWAL EKONOMI GRED E41

- i) Warganegara Malaysia;
- ii) Sihat tubuh badan;
- iii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;
- iv) Memiliki ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; *atau*
- v) Memiliki ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan diiktiraf setaraf dengannya; *atau*
- vi) Memiliki Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- vii) Memiliki Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; *atau*
- viii) Ahli Penuh Badan-Badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf kerajaan; *atau*
- ix) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan serta menjadi Ahli Penuh Badan-Badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf kerajaan; *atau*
- x) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia; *dan*
- xi) Lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf.
- xii) Senarai tugas:
  - a) Sebagai agen pengembangan;
  - b) Ketua urusetia kursus:
    - Melaksanakan kursus di PENLada dan cawangan
    - Menyeragamkan nota, manual dan alat bantu mengajar (*collect, compile, edit harmonize, print and distribute*)
    - Urusetia bagi kerja mencadang dan mengubal modul latihan/kursus yang dilaksanakan oleh pusat
    - Mengkaji semula sukatan pelajaran
  - c) Menyediakan kertas kerja perancangan dan laporan prestasi perancangan projek tanaman lada
  - d) Pengurusan kewangan/dana untuk keperluan kursus dan perolehan bahan bantu mengajar

- e) Pembangunan Sumber Manusia
  - Mengenalpasti keperluan latihan dan menilai prestasi kakitangan di bawah seliaan
  - Mengelola dan menyelaraskan program Latihan Petani dan kakitangan
  - Mengendalikan latihan berkaitan
- f) Menjalankan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa

## **B. PENOLONG PEGAWAI EHWAL EKONOMI GRED E27**

- i) Warganegara Malaysia;
- ii) Sihat tubuh badan;
- iii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;
- iv) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM); *atau*
- v) Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM); *atau*
- vi) Diploma dalam bidang Pentadbiran Awam diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; *atau*
- vii) Diploma ikhtisas dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; *dan*
- viii) Lulus Matapelajaran Bahasa Malaysia (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat SPM atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan
- ix) Senarai tugas:
  - a) Melaksana dan memantau aktiviti dan program berkaitan:
    - i) Pengiklanan dan promosi produk
    - ii) Perluasan pemasaran dan pengurusan
    - iii) rangkaian pengedaran
    - iv) Pengukuhan imej dan jenama produk
    - v) Pengkomersilan produk
    - vi) Penyelidikan dan kajian pasaran
  - b) Mengumpul, menyusun data dan menyediakan maklumat untuk tujuan perolehan, penulisan kertas kerja dan laporan status pencapaian Model Baru Perniagaan.
  - c) Lain-lain tugas yang diarahkan oleh Pengarah dan Penolong Pengarah

## **C. JAWATAN PEMANDU KENDERAAN GRED H11**

- i) Warganegara Malaysia;
- ii) Sihat tubuh badan;
- iii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;
- iv) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;

- v) Memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- vi) Memiliki Lesen memandu kelas E, Lesen Perkhidmatan Awam (PSV) yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan; dan
- vii) Berkebolehan memandu, mengendali dan menyenggara kenderaan berkenaan yang diliputi oleh skim perkhidmatan ini.  
*(Keutamaan diberikan kepada calon-calon yang berumur kurang dari 35 tahun pada tarikh tutup permohonan, mempunyai pengalaman memandu bas, boleh memandu jentera angkut (forklift) dan lori, mempunyai penglihatan yang baik, tidak rabun warna, boleh bekerja di luar waktu pejabat dan di luar stesyen apabila diperlukan).*
- viii) Senarai tugas:
  - a) Memandu kenderaan pejabat mengikut jadual yang ditetapkan oleh penyelia;
  - b) Membuat pemeriksaan dan membuat laporan kerosakan (jika berkaitan);
  - c) Mengemaskini buku log kenderaan;
  - d) Membantu dalam menyelenggara pejabat; dan

#### **D. JAWATAN PEMBANTU AWAM GRED H11**

- i) Warganegara Malaysia;
- ii) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan;
- iii) Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- iv) Memiliki kepujian dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- v) Berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan baik;
- vi) Keutamaan diberikan kepada calon-calon berumur kurang dari 35 tahun pada tarikh tutup permohonan, sihat tubuh badan, penglihatan yang baik, tidak rabun warna, boleh bekerja pada luar waktu pejabat dan di luar stesyen apabila diperlukan.
- vii) Senarai tugas:
  - a) Menjalankan aktiviti pemprosesan di Loji;
  - b) Membantu pegawai yang berkaitan dalam menjalankan tugas dagangan di lapangan dan stor simpanan;
  - c) Membantu dalam menjalankan tugas-tugas pembersihan dan penyelenggaraan pejabat serta kawasan pemprosesan; dan
  - d) Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh penyelia dari semasa ke semasa.